



LAPORAN KORPORAT

2013

# Kandungan

- 2** Prestasi Sepintas Lalu
- 6** Pesanan kepada Para Pemegang Saham
- 12** Ulasan Perniagaan
- 24** Erti Menjana Nilai Bersama bagi Kami
- 28** Data Korporat
- 30** Lembaga Pengarah
- 32** Profil Lembaga Pengarah
- 36** Kumpulan Pengurusan
- 38** Profil Kumpulan Pengurusan
- 40** Notis Mesyuarat Agung Tahunan  
Borang Proksi

# Prestasi Sepintas Lalu

- Perolehan tahunan sebanyak RM4.8 bilion menunjukkan peningkatan sebanyak 5.1% atau RM232 juta berbanding 2012
- Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 12.8% kepada RM719 juta dengan peningkatan margin sebanyak 100 mata asas
- Keuntungan sesaham meningkat sebanyak 11.2% kepada RM2.40
- Dividen yang dicadangkan dan diisyiharkan meningkat sebanyak 11.9% kepada RM2.35 sesaham
- Pengurusan modal kerja yang lebih baik memberikan kos pembiayaan bersih yang lebih rendah

---

Perolehan

**+5.1%**

---

Keuntungan Bersih

**+11.2%**


---

Dividen

**+11.9%**

---


Pertumbuhan jualan domestik yang kukuh yang didorong oleh pelaburan dalam aktiviti pemasaran dan promosi dan peningkatan Keuntungan Kasar membantu Keuntungan Sebelum Cukai mencapai RM719.1 juta dengan peningkatan margin sebanyak 100 mata asas.



Mulai 1 Januari 2012, elauan dan diskauan tertentudinyatakan sebagai pemotongan jualan selaras dengan polisi Kumpulan Nestlé S.A dan amalan yang umumnya digunakan oleh syarikat-syarikat barang pengguna.

Bagi tujuan perbandingan, hanya nilai 2011 diselaraskan untuk menunjukkan definisi perolehan baru.

### Jumlah Jualan (%)



Pertumbuhan 2013 : 7.9% Domestik

-3.2% Eksport

*Saya sangat suka bermain bola sepak. Saya dan rakan-rakan mewakili sekolah kami dalam Kejohanan Bola Sepak antara Sekolah MILO dan kami berlatih tiga kali seminggu. Saya yakin kami mempunyai peluang besar untuk memenangi kejohanan tahun ini!*

Adam menjaringkan gol kemenangan untuk pasukannya tahun ini. Perasaan gembira dan bangga ketika dia menjaringi gol dan pada ketika itu dia tahu bahawa, tanpa ragu lagi, dia mahu bermain bola sepak secara profesional apabila dewasa kelak.





Mesej kepada Para Pemegang Saham

# Terima kasih kepada warga kami atas usaha merealisasikan komitmen kami.

Kesejahteraan para pengguna kami adalah fokus utama bagi Nestlé dalam usaha kami ke arah matlamat untuk diiktiraf sebagai Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terkemuka di Malaysia.



Bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan sukcitanya kami membentangkan Laporan Tahunan Nestlé (Malaysia) Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

#### **ULASAN PRESTASI**

Pada tahun 2013 ekonomi global menunjukkan beberapa tanda-tanda pemulihan yang memberi kesan positif ke atas negara ini, lalu ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.7% bagi tahun tersebut.

Sejajar dengan momentum ekonomi negara, Kumpulan telah mencatatkan pertumbuhan garis atas dan bawah yang baik, dengan perolehan sebanyak RM4.8 bilion dan keuntungan bersih sebanyak RM561.7 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, 5.1% dan 11.2% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama bagi tahun 2012.

Di peringkat domestik, Kumpulan memantapkan aktiviti pemasaran dan promosinya untuk menjana pertumbuhan produknya dengan beberapa kategori produk seperti Konfeksi, Minuman Cecair dan Makanan, yang berjaya mencapai pertumbuhan dua digit yang teguh.

Aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun termasuk promosi Bonanza Hari Keluarga Malaysia, yang menyaksikan promosi yang meluas di media cetak dan elektronik, dan pusat jualan; kempen MILO Tenaga untuk Juara yang dianjurkan bersama-sama Majlis Olimpik Malaysia; dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sambutan ulang tahun ke-75 NESCAFÉ. Pelancaran produk baru, termasuk NESTLÉ Greek Yogurt dan MAGGI Big Kari, yang mendapat sambutan yang baik di pasaran dan telah membantu Kumpulan untuk meningkatkan lagi perkongsian pasaran.

Eksport untuk syarikat-syarikat persekitar, walau bagaimanapun, mengalami permintaan yang lebih rendah disebabkan oleh persekitaran ekonomi global yang lebih mencabar serta permintaan yang lebih rendah bagi beberapa kategori eksport. Kekurangan permintaan bagi eksport kepada sekutu, walau bagaimanapun, telah meluaskan kapasiti bagi menyokong pertumbuhan kukuh jualan domestik.

Daripada segi kos input, trend harga komoditi yang digunakan oleh Kumpulan adalah baik kecuali Susu Tepung, yang telah meningkat pada tahun 2013, semasa kejatuhan nilai Ringgit berbanding Dolar Amerika dalam separuh kedua tahun ini sebahagiannya telah dikurangkan dengan kedudukan perlindungan nilai ke hadapan. Input kos trend yang baik digandingkan dengan jualan yang lebih tinggi telah mendorong Margin Keuntungan Kasar untuk meningkat sebanyak 140 mata asas berbanding pada tahun sebelumnya.

Pertumbuhan jualan domestik kukuh yang didorong oleh pelaburan dalam aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi, dan peningkatan margin Keuntungan Kasar mendorong Keuntungan Sebelum Cukai mencapai RM719.1 juta, dengan peningkatan margin dasar sebanyak 100 mata asas. Keuntungan bersih adalah sebanyak RM561.7 juta iaitu peningkatan sebanyak 11.2%.

#### **TADBIR URUS KORPORAT**

Tadbir urus yang baik membantu kami mewujud dan mengekalkan kepercayaan dengan pihak berkepentingan kami, dan Laporan Korporat kami menggariskan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam memastikan tadbir urus yang baik selaras dengan Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, serta membentuk amalan terbaik dalam kumpulan global Nestlé.

Kami juga berusaha untuk mengamalkan ketelusan dalam apa yang kami lakukan, termasuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tanggungjawab sosial, yang kami namakan sebagai Menjana Nilai Bersama (CSV). Laporan CSV kami telah disahkan secara luaran selama tiga tahun yang lalu; diikuti dengan Nestlé dalam Masyarakat 2013: Laporan Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami juga telah disahkan secara luaran pada tahap A+ GRI, nilai yang mencerminkan ketepatan dan komprehensifnya proses laporan kami.

#### **MENJANA NILAI BERSAMA**

Kesejahteraan para pengguna kami adalah fokus utama bagi Nestlé dalam usaha kami ke arah matlamat untuk diiktiraf sebagai Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terkemuka di dunia.

Di Nestlé kami mengambil pendekatan Menjana Nilai Bersama di mana kejayaan korporat dan pembangunan sosial saling memerlukan, dan untuk mewujudkan nilai jangka panjang bagi para pemegang saham, kami perlu mewujudkan nilai untuk masyarakat.

Sepanjang tahun ini kami telah terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang mampan untuk mencapai matlamat ini dan sepanjang tahun 2013 kami meneruskan usaha yang sama di samping memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru. Antara aktiviti-aktiviti berterusan yang dijalankan sepanjang tahun ialah Program Cara Hidup Sihat, program intervensi yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Universiti Putra Malaysia (UPM); dan Kelab Padi Nestlé (NPC), satu inisiatif inovatif pertanian melalui kerjasama dengan Organica Biotech Ninamaju, Kilang Beras Ban Eng Hin dan DuPont di Kerpan, Kedah.

## Message to Shareholders

Didorong oleh peningkatan pelaburan dalam aktiviti-aktiviti pemasaran dan Menjana Nilai Bersama, Kumpulan mengambil kesempatan atas keadaan ekonomi yang positif dan mencatat perolehan sebanyak RM4.8 bilion dan keuntungan bersih sebanyak RM561 juta, 5.1% dan 11.2% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Kedua-dua inisiatif ini mencatatkan kemajuan pada tahun 2013, dengan Program Cara Hidup Sihat telah melatih seramai 203 orang guru dan warden di bawah sesi 'Melatih-Pelatih' dan penglibatan 332 orang guru dan pengendali makanan pada sesi 'Latihan Pengendali Makanan' pada penghujung fasa pertama. Manakala itu, NPC berjaya mencapai hasil keluaran pada purata sebanyak 7.01mt/ha, peningkatan 2.34%, berbanding dengan purata hasil pada tahun sebelumnya.

Selain daripada program-program sedia ada, kami juga memperkenalkan Bonanza Hari Keluarga Malaysia Nestlé, satu pertandingan bagi para pengguna yang bertujuan untuk menggalakkan kemesraan keluarga dan meningkatkan kualiti kehidupan keluarga melalui makanan yang lazat, serta aktiviti-aktiviti sihat dan menyeronokkan. Promosi ini juga mempunyai elemen kebajikan di mana Nestlé menderma RM1 bagi setiap penyertaan peraduan Bonanza Hari Keluarga Malaysia Nestlé yang layak kepada badan-badan amal terpilih. Sejumlah RM300,000 telah diagihkan kepada pelbagai badan amal manakala RM500,000 lagi telah didermakan kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat bagi menyokong aktiviti-aktiviti mereka untuk memajukan kebijakan wanita dan masyarakat serta mempertingkatkan pembangunan keluarga.

Butiran lanjut tentang aktiviti-aktiviti CSV boleh didapati dalam Nestlé dalam Masyarakat 2013: Laporan Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami yang dilampirkan.

### **ANUGERAH DAN PENGHARGAAN**

Komitmen kami bagi Menjana Nilai Bersama diperakui dan diiktiraf oleh industri dan rakan sejawat kami dengan penganugerahan pelbagai anugerah dan pengiktirafan. Pada 2013, Nestlé telah menerima beberapa anugerah sebagai pengiktirafan atas amalan yang berterusannya.

Dalam bidang alam sekitar Nestlé telah menerima anugerah Pencapaian Ketara dalam Prestasi Alam Sekitar dan Anugerah Negeri Selangor di Anugerah Hibiscus Perdana Menteri (PMHA), anugerah alam sekitar utama negara bagi sektor perniagaan dan industri sektor swasta ang dianjurkan oleh empat organisasi bukan keuntungan sektor swasta terkemuka di Malaysia.

Kami juga telah menerima pengiktirafan di Anugerah Tadbir Urus Korporat Malaysia-Asean 2013 yang dianjurkan oleh *Minority Shareholder Watchdog Group* (MSWG), yang diadakan untuk mengiktiraf syarikat-syarikat yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam bidang tadbir

urus korporat. Syarikat adalah penerima Anugerah Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Terbaik (ESG).

### **DIVIDEN**

Berdasarkan prestasi teguh pada 2013, Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen bersih muktamad sebanyak 175 sen sesaham, memberikan jumlah dividen bersih yang dicadangkan dan diisyiharkan bagi tahun kewangan ini sebanyak 235 sen sesaham yang mewakili peningkatan 11.9% daripada dividen tahun sebelumnya dan bayaran sebanyak 98.1% berbanding keuntungan bersih.

### **PROSPEK UNTUK TAHUN 2014**

Kami kekal optimis bagi tahun 2014. Sedang persekitaran luaran di negara maju menunjukkan tanda-tanda positif, ekonomi baru muncul mengalami sedikit ketidaktentuan. Prospek yang bertambah baik di negara maju akan memberikan peluang pertumbuhan untuk ekonomi Asia termasuk Malaysia.

Ini merupakan petanda baik kepada Kumpulan, dan kami berhasrat untuk memanfaatkan sepenuhnya perkembangan positif ini bagi perniagaan tempatan dan eksport kami.

jumlah dividen bersih sebanyak

**235 sen**  
sesaham meningkat 11.9%  
mewakili 98.1%  
keuntungan bersih

**Inovasi &  
pengubahsuaian  
akan merangsang  
pertumbuhan bagi  
tahun mendatang**

Selain itu, kami percaya Kerajaan akan terus menyediakan sokongan melalui projek-projek pembangunan dan insentif yang akan terus meningkatkan ekonomi negara. Program rasionalisasi subsidi Kerajaan, dengan nilai Ringgit yang lemah, agak membimbangkan kerana ini mungkin akan membawa kesan buruk ke atas pendapatan boleh guna pengguna. Menyedari keadaan ini, kita perlu berhati-hati dan sentiasa memantau perkembangan ekonomi global dan tempatan untuk memastikan kita mempunyai strategi-strategi perniagaan yang baik untuk melindungi dan memperolehi perkongsian pasaran.

Di peringkat dalaman, kami akan terus meningkatkan kecekapan melalui program Kecemerlangan Berterusan Nestlé dan memanfaatkan inovasi dan pengubahsuaian bagi produk-produk kami. Sejajar dengan matlamat Kerajaan bagi membangunkan masyarakat yang sihat dan produktif, kami akan mempromosikan lagi pemakanan berkhasiat dan gaya hidup sihat selain melaksanakan usaha berterusan kami bagi menyediakan produk yang lebih sihat dan lebih lazat kepada pengguna.

#### PENGHARGAAN

Lembaga Pengarah dan Syarikat ingin mengucapkan selamat datang kepada Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong yang telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada November 2013.

Toh Puan kini merupakan Pro-Canselor Universiti Malaya, jawatan yang beliau sandang sejak Februari 2003. Beliau juga memegang jawatan dalam beberapa pertubuhan seperti Pengerusi Yayasan Institut Jantung Negara, Pengerusi Tabung Kebajikan *The New Straits Times Press*, dan pengasas Pemegang Amanah Yayasan Inisiatif Penyelidikan Kanser (CARIF) di antara lain.

Lembaga Pengarah yakin bahawa Toh Puan, dengan kelayakan dan pengalaman yang luas, beliau akan memberikan sumbangan yang berkesan bagi meningkatkan lagi kedudukan Nestlé sebagai Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terkemuka di Malaysia.

Sebagai penutup, Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan dan semua kakitangan di atas dedikasi dan komitmen mereka, dan bagi memainkan peranan yang penting dalam mendorong Syarikat sebagai peneraju Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terkemuka di negara ini. Kami juga berterima kasih kepada rakan-rakan niaga, pengedar dan pelanggan atas sokongan berterusan dan kesetiaan kepada jenama kami.

Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail**  
Pengerusi

**Alois Hofbauer**  
Pengarah Urusan



*Di sekolah, kita belajar bahawa sarapan pagi adalah hidangan harian yang paling penting. Ibu sentiasa membuat sarapan pagi untuk keluarga. Jadi, satu hari, saya dan ayah membuat sarapan istimewa untuk ibudengan secawan NESCAFÉ kegemarannya, kerana kami menyayanginya dan dia layak untuk menerima yang terbaik.*

Ibu Latisha mendapat kejutan gembira apabila anak perempuan dan suaminya menghidangkan sarapan istimewa untuknya dengan secawan NESCAFÉ yang aromatik. Walaupun ianya sesuatu yang mudah, ia merupakan salah satu saat yang paling indah bersama keluarganya yang dia hargai.



# Ulasan Perniagaan

Pencapaian Kumpulan baik walaupun terdapat berbagai cabaran pada tahun 2013, pertumbuhan domestik yang amat kukuh dapat mengimbangi eksport yang berkurangan kepada syarikat-syarikat bersekutu.

Untuk menyokong dan mengekalkan momentum pertumbuhan tahun sebelumnya, Nestlé telah meningkatkan aktiviti pemasaran dan promosi pada 2013.

Ini telah memantapkan jualan domestik dan mencatatkan pertumbuhan dua digit dalam beberapa kategori produk seperti Konfeksi, Minuman Cecair dan Makanan. Kumpulan juga telah mengukuhkan kedudukan bahagian pasaran dalam kategori Makanan dan Minuman berdasarkan prestasi keseluruhan domestik yang baik ini.

Perniagaan eksport mewakili jualan kepada syarikat bersekutu di negara-negara lain yang mengedarkan produk Nestlé. Kekurangan eksport sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan permintaan daripada syarikat-syarikat bersekutu kerana persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar, serta permintaan yang berkurangan bagi sesetengah kategori eksport. Jumlah eksport yang lebih rendah, bagaimanapun, mewujudkan peluang untuk pasaran domestik berkembang kerana adanya kapasiti tambahan untuk menyokong permintaan tempatan yang lebih tinggi.

Dalam perniagaan domestik, beberapa kategori produk meningkat lebih cepat daripada yang dijangkakan, hingga memerlukan Kumpulan menumpukan usahanya untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran supaya tiada gangguan bekalan untuk produk-produk tersebut.

Ini dicerminkan dalam pelaburan Kumpulan pada tahun ini, yang berjumlah sebanyak RM214 juta, kebanyakannya khusus untuk meningkatkan pengeluaran kapasiti dalam kategori Minuman Cecair, Konfeksi dan Mi Segera.

Salah satu pelaburan utama untuk terus meningkatkan kapasiti ialah pembinaan Kilang Sri Muda di Shah Alam, yang pada

mulanya akan menghasilkan pelbagai minuman cecair sedia diminum, iaitu salah satu kategori yang menyaksikan peningkatan permintaan yang mendadak sejak kebelakangan ini.

Pembinaan kilang baru ini bermula pada pertengahan tahun 2013 dan dijangka memulakan pengeluaran komersial pada suku keempat 2014.

Prestasi kukuh tahun ini juga disebabkan oleh aplikasi berterusan Kecemerlangan Berterusan Nestlé (NCE) - satu rangka kerja global untuk menambahbaik proses kerja dan kecekapan di Nestlé.

Hasil daripada penambahbaikan tersebut, kilang-kilang Nestlé telah meningkatkan produktiviti mereka sebanyak 3.3% manakala berjaya mengurangkan kos penukaran sehingga 10.0% bagi beberapa barang produk utama.

Selain daripada peningkatan produktiviti, Nestlé juga berjaya mengurangkan penggunaan tenaga dengan penjimatatan sebanyak 2.3% daripada penggunaan tenaga bagi setiap tan produk yang dicatatkan untuk tahun yang dikaji, melepas sasaran pengurangan 2.0% tahunan.

Perubahan peningkatan dalaman yang berterusan yang dirangsang oleh NCE juga menyebabkan pengurangan aduan para pengguna sebanyak 9.0% pada tahun 2013.

Prestasi Rangkaian Bekalan juga terus meningkat pada tahun ini, dengan tahap perkhidmatan para pelanggan telah mendaftarkan peningkatan sebanyak 40 mata asas. Di samping itu, ketepatan perancangan permintaan mengekalkan trajektori menaik, manakala pada masa yang sama berjaya mengurangkan stok bahan mentah dan separa siap, serta produk siap.

Usaha berterusan oleh bahagian Kumpulan logistik membantu mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub> yang bukan sahaja berjaya mengurangkan perbelanjaan pengedaran

sekilogram penghantaran, tetapi juga berjaya meminimakan kesan terhadap alam sekitar.

Pencapaian keseluruhan dalam pengurangan kesan karbon telah diiktiraf dan Kumpulan telah merangkul Pencapaian Ketara dalam Prestasi Alam Sekitar dan Anugerah Negeri Selangor di Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2013.

Operasi runcit, sementara itu, terus dipertingkatkan di mana Bahagian Jualan meneruskan fokusnya untuk 'Menjadi Cemerlang di Peringkat Asas' melalui aktiviti-aktiviti seperti latihan pengekodan GPS di mana cawangan-cawangan baru dikenalpasti dan dimasukkan ke dalam liputan pelan. Ini menyebabkan peningkatan liputan langsung 4,000 kedai runcit, yang seterusnya menambah baik ketersediaan dan perwakilan produk Nestlé di kedai-kedai ini.

Bekerja rapat dengan rakan-rakan kongsi yang terpilih, Bahagian Jualan juga melaksanakan konsep 'Kedai Sempurna' di beberapa kedai di seluruh negara untuk meningkatkan jualan. Ini melibatkan pembentukan semula pelan lantai, kawasan paparan dan rak untuk memanfaatkan lintasan pembeli dan corak pembelian, yang diperolehi daripada kajian para pembeli.

Kemuncak utama pada tahun ini ialah Bonanza Hari Keluarga Malaysia Nestlé - satu peraduan yang dijalankan di seluruh negara untuk menggalakkan para pengguna untuk membeli produk-produk Nestlé dengan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah bernilai sehingga RM2.6 juta.

Peraduan ini telah dipromosikan melalui kempen pemasaran yang menyeluruh dan bersepadan yang merangkumi aktiviti-aktiviti turun padang yang memaparkan lebih daripada 25,000 jenama di kedai-kedai di seluruh negara, sokongan above the line yang melebihi 140 iklan cetak dan lebih daripada 3,000 siaran komersial televisyen dan komunikasi digital.

Aktiviti meluas yang menyokong kempen ini jelas berhasil, di mana reaksi daripada para pengguna amat menggalakkan dengan hampir 800,000 penyertaan di seluruh negara, yang menyebabkan peningkatan jualan yang ketara dalam bulan September.

Untuk mengekalkan kejayaan perniagaan yang berterusan, Kumpulan juga memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti untuk mencari dan memupuk bakat-bakat yang terbaik. Nestlé bekerjasama dengan universiti dan agensi-agensi yang berkaitan seperti TalentCorp Malaysia, dan juga mengambil bahagian dalam pameran kerjaya di universiti-universiti tempatan dan luar negara.

Melalui tugas ini, mahasiswa berpeluang untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Nestlé dan Nestlé pula dapat membina rangkaian bakat-bakat muda yang terbaik.

Untuk memupuk bakat-bakat muda ini, Nestlé telah menyediakan pelbagai program yang menyokong pembangunan peribadi mereka dan mewujudkan sekumpulan pemimpin masa depan yang berbakat. Program Pelatih Nestlé menyediakan satu platform pembelajaran eksperiential untuk mahasiswa memperolehi pendedahan dan bimbingan dalam bidang pengajian mereka, manakala Program Latihan Pengurusan Nestlé membantu membangunkan graduan baru dalam bidang Jualan & Pemasaran, Kewangan, Rangkaian Bekalan, Sumber Manusia dan Teknikal & Pengeluaran.

Pada tahun 2013, Nestlé mengambil 20 Pelatih Pengurusan baru daripada 1,500 pemohon.

Sebagai majikan yang prihatin terhadap kesejahteraan dan pembangunan bukan sahaja bagi setiap wargakerjanya, tetapi juga keluarga mereka, Nestlé telah menganugerahkan 20 orang pelajar dengan Anugerah Biasiswa Nestlé. Mereka ini terdiri daripada anak-anakpekerja atau pesara Nestlé, dan penerima tahun ini adalah dua kali ganda bilangan biasiswa yang dianugerahkan pada tahun sebelumnya.

Melalui inisiatif ini, para pelajar yang dipilih akan menerima RM7,000 setahun untuk keseluruhan tempoh program ijazah. Mereka juga akan diberi keutamaan dalam Program Pelatih praktikal dan peluang pekerjaan di Nestlé.

Disebabkan oleh pelaburan dan tumpuan penting ke atas sumber manusianya, Nestlé secara amnya diakui sebagai majikan utama dan tempat bekerja yang sangat baik.

Ini telah diperakui di mana Nestlé memenangi Anugerah Majikan Siswazah Paling Popular 2013 untuk kategori FMCG/Runcit. Nestlé juga kini disenaraikan sebagai salah satu 10 syarikat teratas di senarai 100 Majikan Siswazah Terkemuka Malaysia – satu peningkatan besar dari kedudukan ke-23 pada tahun sebelumnya.

Kumpulan telah merangkul Pencapaian Ketara dalam Prestasi Alam Sekitar dan Anugerah Negeri Selangor di Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2013.

Secara dalaman, Kumpulan akan terus meningkatkan kecekapan melalui Program Kecemerlangan Berterusan Nestlé.

Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan Encik Alois Hofbauer bersama-sama dengan badan-badan amal yang masing-masing menerima RM20,000 daripada Nestlé Malaysia.



# TENUSU



## MILO

Pada tahun 2013, MILO, jenama minuman coklat malt yang paling diminati di negara terus mendekati rakyat Malaysia dan menyokong gaya hidup sihat dan aktif.

Ia melancarkan MILO *Breakfast Movement*, kempen yang menekankan kepentingan sarapan pagi, melalui siri aktiviti interaktif dan pendidikan, yang berkemuncak dengan Sambutan Hari Sarapan Malaysia di Universiti Putra Malaysia pada 19 Mei 2013.

Setelah berjaya melibatkan lebih daripada 200,000 rakyat Malaysia melalui kempen ini pada tahun 2013, MILO merancang untuk terus menjadi tuan rumah Sambutan Hari Sarapan Malaysia setiap tahun, kerana ia komited untuk terus memupuk tabiat sarapan yang baik di kalangan rakyat Malaysia.

Selain itu, dalam usaha untuk memacu nilai sebenar sukan dan membangunkan atlet muda tempatan, MILO dengan kerjasama Majlis Olimpik Malaysia telah melancarkan Kempen MILO *Fuel for Champions*.

Tujuan kempen ini adalah untuk mendapatkan sokongan bagi kontinjen Malaysia di Sukan SEA ke-27 di Myanmar, yang dirasmikan oleh Y.B. Encik Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan Malaysia pada bulan Ogos 2013. MILO berjaya mengumpul 2.7 juta MILO *Flames* untuk menyokong kontinjen Malaysia.

Kempen ini bukan sekadar penajaan sekali sahaja, kerana ia bertujuan untuk memupuk atlet muda untuk membangunkan lagi bakat mereka, dan memberi inspirasi kepada ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka mengambil bahagian dalam sukan dari usia muda.

**MILO terus memperkayakan kehidupan rakyat Malaysia melalui inisiatif yang menyokong gaya hidup yang sihat dan nilai sebenar sukan.**



## SUSU



Pada 2013, NESTLÉ OMEGA PLUS bekerjasama dengan rakan-rakan runcit dan Yayasan Jantung Malaysia (HFM) untuk memacu kesedaran kesihatan jantung melalui inisiatif seperti Kempen *Go Red*.

Menerusi kempen ini, lebih daripada 100,000 pemeriksaan kolesterol dan aktiviti persampelan dijalankan di pusat membeli belah dan pasar raya terpilih. Ia mendapat sambutan yang baik daripada para pembeli, lalu meningkatkan kadar percubaan dan jualan untuk jenama tersebut.

Bersama-sama dengan HFM, NESTLÉ OMEGA PLUS juga menganjurkan beberapa aktiviti-aktiviti kesihatan yang berkaitan seperti 'Walk A Mile' dan Tayangan Kesihatan Jantung, sempena Hari Jantung Sedunia pada 29 September 2013. Acara 'Walk A Mile' turut dihadiri oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.



NESTLÉ OMEGA PLUS



Perkongsian strategik terus menjadi resipi kejayaan bagi segmen Susu, kerana mereka menyokong matlamat untuk mendekati lebih ramai para pengguna melalui aktiviti kesihatan yang berkaitan.

# MINUMAN



## NESCAFÉ

Bagi meraikan ulang tahunnya yang ke-75, NESCAFÉ telah menjalankan beberapa siri promosi stor yang hebat, tugasan turun padang dan pameran bergerak, yang menggembirakan para pengguna di sepanjang 2013.

Tema perayaan, '75 tahun bersama kopi hebat dan seterusnya' mencerminkan legasi jenama ini dalam sejarah kopi di seluruh dunia dan juga janjinya untuk terus memberikan rasa kopi yang terbaik dan berkualiti kepada para pengguna.



Jenama baru bagi NESCAFÉ Dolce Gusto iaitu Caramel Latte Macchiato

Berpegang kepada komitmen ini, NESCAFÉ Dolce Gusto melancarkan varian baru, *Caramel Latte Macchiato*, terutamanya bagi mereka yang suka rasa kopi yang kaya dengan susu dan karamel. Produk baru ini amat popular dengan para pengguna online.

Ia juga memperkenalkan mesin kopi baru, *Melody*, yang mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan enam cawan minuman, lantas lebih mudah bagi para pengguna untuk menghiburkan rakan-rakan dan seterusnya mengukuhkan lagi janji NESCAFÉ *Dolce Gusto* untuk memberi minuman gaya kafe di rumah.

Untuk meningkatkan imej jenama dan cadangan nilai, bungkusan NESCAFÉ *Classic* dan NESCAFÉ 3dalam1 telah diperbaharui.

Untuk memberi pengalaman kopi yang lebih baik, NESCAFÉ 3dalam1 telah dirumus semula untuk meningkatkan keseluruhan rasa kopi yang lebih kaya dan penuh berkrim.

Mempamerkan kedudukannya sebagai kopi pilihan, 7 daripada 10 para pengguna memilih NESCAFÉ Menu Ipoh White Coffee daripada pesaing jenama, semasa cabaran rasa.

Pelancaran Sambutan Ulangtahun NESCAFÉ ke-75 penuh kemeriah



Bungkusan baru bagi NESCAFÉ 3dalam1 dan NESCAFÉ *Classic*

Sebagai jenama kopi kesayangan selama 75 tahun, NESCAFÉ berjanji untuk terus menggembirakan para pengguna dengan rasa kopi yang lazat melalui inovasi dan pengubahsuaian produk.

# PERNIAGAAN MAKANAN



Rosalyn Simba, Pengurus Perniagaan Eksekutif Perniagaan Makanan, Nestlé Products Sdn Bhd; Aaron Aziz, Duta Jenama dan selebriti tempatan; dan Lam Pui Yuee, Pengurus Pemasaran Pengguna, Perniagaan Makanan, Nestlé Products Sdn Bhd menikmati MAGGI Big Kari yang lazat semasa majlis pelancaran produk.

## MAGGI

Perniagaan Makanan mengekalkan pertumbuhan dua angka dan meningkatkan pasarnya, melalui sokongan yang bertumpu kepada kategori bantuan memasak dan mi. Penjimatan operasi yang dihasilkan di sepanjang rangkaian bekalan telah meningkatkan pelaburan dalam komunikasi jenama dan penambahbaikan produk.

MAGGI memulakan tahun ini dengan pelancaran MAGGI Magic Meals, kategori bantuan memasak inovatif yang membolehkan para pengguna menyediakan lauk yang lazat dan nasi pada masa yang sama, dengan menggunakan periuk nasi. Revolusi memasak ini mendapat sambutan yang baik dalam saluran perdagangan moden.

MAGGI Cukup Rasa, perasa semua-dalam-satu yang terkemuka, telah menunjukkan pertumbuhan yang luarbiasa dan meningkatannya dalam pasaran, berikutan sokongan media yang lebih baik dan pelancaran pek 25g, yang meningkatkan ketersediaan di kedai-kedai top-up.



MAGGI Cukup Rasa

Perniagaan Makanan - dengan jenama MAGGI - terus membawa makanan yang sedap dan mudah serta berinspirasi melalui kategori bantuan memasak dan mi, yang membolehkan para pengguna untuk menikmati makanan yang lazat dan seimbang, serta makanan ringan.

## PERNIAGAAN MAKANAN



Diatas permintaan para pengguna, MAGGI Big Kari 101g telah dilancarkan melalui kempen pemasaran bersepodu, yang terdiri daripada sokongan selebriti, paparan dalam stor dan promosi-promosi yang menarik. Pelancaran itu berjaya menjanakan populariti MAGGI dan meningkatkan bahagiannya dalam pasaran mi.

MAGGI menggunakan sentimen para pengguna yang positif terhadap produk masakannya melalui program afiniti yang mempromosikan kebaikan memasak di rumah di kalangan belia. Dalam pertandingan memasak sekolah menengah, yang sekarang masuk tahun ke-17, pelajar dari 16 negeri telah menyediakan hidangan istimewa buatan sendiri dan mengambil bahagian dalam bengkel masakan dan pemakanan.

MAGGI Big Kari

## NESTLÉ PROFESIONAL

Nestlé Professional telah bekerjasama dengan Persatuan Chef Malaysia, untuk menghasilkan sebuah buku resipi berjodol *Amazing Inspirations*, yang mengetengahkan kemahiran memasak dan resipi kreatif chef-chef terbaik negara yang menggunakan MAGGI, untuk memberi inspirasi kepada chef-chef muda dalam industri.



MAGGI Sos Oriental Barbeku

Direka khas untuk kafe tempatan dan gabungan, MAGGI Oriental Barbecue Sauce, sos barbeku unik yang mengandungi rempah-ratus Asia, telah dilancarkan pada tahun 2013. Rasa rempahnya yang tersendiri membolehkan ia digunakan dalam cairan perap atau sos saduran, goreng kilas atau celupan.

Pada tahun 2013, satu rangkaian QSR antarabangsa (*Quick Service Restaurant*) telah memperkenalkan NESCAFÉ Milano sebagai sebahagian daripada menu minuman mereka. Mereka mengadakan beberapa kempen seperti Kempen Sarapan dengan Kopi untuk menggalakkan para pelanggan mereka untuk memilih NESCAFÉ Milano.



NESCAFÉ Milano

Bagi Perniagaan Nestlé Profesional, 2013 merupakan tahun yang baik dengan perkhidmatan yang lebih meningkat, perkongsian baru strategik dan perkembangan produk inovatif.

# MINUMAN CECAIR NESTLÉ

Pada tahun 2013 perniagaan Minuman Cecair Nestlé mencapai pertumbuhan dua angka untuk empat tahun berturut-turut dan memperolehi peningkatan dalam bahagian pasaran bagi kedua-dua kategori MILO dan NESCAFÉ Sedia-Di-Minum.

Salah satu sebab utama adalah laluan pasaran yang lebih kukuh yang disebabkan oleh liputan pengedaran yang lebih baik dan peningkatan produk visibiliti di seluruh negara yang ketara.

Selain itu, beberapa kempen kreatif telah dilaksanakan untuk menguja para pengguna dan meningkatkan jualan. Sebagai contoh, minuman Paket MILO UHT menganjurkan kempen *Fuel for Champions* yang memaparkan pemain bola sepak popular Malaysia, Nazmi Faiz; dan NESCAFÉ Can melancarkan kempen kreatif berdasarkan muzik yang memaparkan artis popular Shaheizy Sam.

Kempen ini menerima maklumbalas yang positif dan sokongan dalam talian yang kukuh, dengan itu membantu meningkatkan bahagian pasaran dan menarik para pengguna baru.

Untuk memberikan lebih pilihan kepada para pengguna, NESCAFÉ Smoovlatte dan BEAR BRAND telah dilancarkan pada tahun 2013.

NESCAFÉ Smoovlatte adalah latte gaya kafe yang mempunyai gabungan aromatik kopi NESCAFÉ dan susu, manakala BEAR BRAND ialah susu steril, yang mempunyai kehadiran jenama yang kukuh di Malaysia Timur.



NESCAFÉ Smoovlatte



BEAR BRAND

Kempen inovatif yang menampilkan selebriti tempatan dan pelancaran produk strategik baru telah memperkuatkukan lagi pertumbuhan perniagaan Minuman Cecair Nestlé pada tahun 2013.

# AIS KRIM NESTLÉ

Tahun yang ditinjau adalah tahun yang menarik untuk perniagaan Ais Krim, dengan inovasi produk yang menakjubkan yang telah menyumbang kepada pertumbuhan yang mantap.

MAT KOOL COLORS yang mempunyai empat perasa teras yang sedap dan empat balutan berwarna bersama jeli boleh-dikupas nenas hijau, telah berjaya diperkenalkan pada tahun ini.

Satu lagi pelancaran yang hebat adalah DRUMSTICK Ekstrem Choc, yang membawa keseronokan bagi pencinta coklat, kerana ia mempunyai sos perasa coklat dan taburan coklat cip putih dan gelap.

Produk hebat baru yang ditumpukan secara strategik kepada pasaran sasaran tertentu seperti pencinta coklat telah meningkatkan pertumbuhan perniagaan Ais Krim.



MAT KOOL COLORS  
dan DRUMSTICK  
Ekstrem Choc

# KONFEKSI



2013 sekali lagi merupakan tahun kejayaan bagi perniagaan Konfeksi, kerana ia berjaya mengekalkan pertumbuhan dua digit. Sebahagian besar daripada prestasi baik ini berpunca daripada jualan mantap perniagaan domestik dan eksport.

Satu jenama utama di bawah kategori ini, KIT KAT, mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju jenama dengan bahagian pasaran yang kukuh dalam pasaran konfeksi. Kejayaan ini didorong oleh jenama inovatif dan kempen yang menarik sepanjang tahun.

Perniagaan Konfeksi kekal teguh dengan KIT KAT sebagai pemimpin jenama yang kukuh di pasaran.

# TENUSU SEJUK

Perniagaan Tenusu Sejuk Nestlé terus menunjukkan pertumbuhan dalam tempoh yang ditinjau. Nestlé *BLISS*, jenama minuman yogurt yang utama di Malaysia terus menarik para pengguna baru sambil meningkatkan penggunaan di kalangan pengguna ringan dan sederhana.

Selain itu, Nestlé *Natural Set Yogurt* mengekalkan pertumbuhan dua angka, dengan itu mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju pasaran dalam segmen tersebut.

Pelbagai rangkaian Nestlé *Greek Yogurt* baru yang menarik telah diperkenalkan pada tahun 2013, yang disasarkan kepada segmen yogurt premium. Rangkaian baru ini terdiri daripada tiga varian - Varian Asli, *Strawberry Fields* dan *Peach Harvest*. Rangkaian baru ini mempunyai rasa yang lebih berkrim dan lebih berkhasiat, kerana ia adalah sumber protein dan kalsium, dengan kandungan lemak yang rendah dan tiada gula tambahan.

Perniagaan Tenusu Sejuk mengekalkan momentum pertumbuhannya yang kukuh tahun ini melalui kempen pemasaran yang berjaya dan rangkaian produk baru yang amat lazat dan sihat.



Nestlé Greek Yogurt

# IBU & PEMAKANAN BAYI

2013 merupakan tahun yang cemerlang dalam inovasi produk berterusan untuk perniagaan Ibu & Pemakanan Bayi, sejajar dengan komitmen START WELL STAY WELL untuk memupuk generasi yang lebih sihat.

Nestlé CERELAC Yogurt, yang didapati dalam dua varian - Yogurt Epal Ceri dan Yogurt Oren Mangga - telah diperkenalkan dan menawarkan kebaikan yogurt, probiotik BIFIDUS BL dan bijirin, teguh kepada janjinya untuk menyediakan 'Pemakanan Besar untuk Perut Si Kecil'.

LACTOGEN 3 Madu yang baru dilancarkan pada tahun ini menyediakan pemakanan yang baik ditambah dengan bakteria aktif, *Lactobacillus Comfortis*. Produk ini adalah terutamanya untuk kanak-kanak kecil yang seleranya masih meningkat dan inginkan kepelbagaiannya perisa susu mereka.

Unit perniagaan ini juga memperkenalkan pembungkusan baru yang menarik untuk NAN Grow 3 dan NAN Kid 4. Produk-produk hebat ini menyediakan 100 juta probiotik BIFIDUS BL setiap hari untuk meningkatkan bilangan bakteria baik dalam kanak-kanak, dan seterusnya menyokong sistem imun mereka.



Nestlé CERELAC Yogurt

Teguh kepada janjinya untuk memupuk generasi yang sihat, perniagaan Ibu & Pemakanan Bayi memperkenalkan laman web baru - [www.startwellstaywell.com.my](http://www.startwellstaywell.com.my) - untuk para ibu mempelajari dengan lebih lanjut mengenai pemakanan 1,500 hari pertama dalam kehidupan anak mereka.

# PEMAKANAN PENJAGAAN KESIHATAN

Perniagaan Pemakanan Penjagaan Kesihatan terus mencatakan pertumbuhan dua angka pada tahun 2013, di mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh prestasi NUTREN Untuk Diabetik, jenama kedua terkuat dalam kategori pemakanan diabetes.

Jenama mantap ini telah berjaya mencapai lebih daripada 40,000 para pengguna diabetes di seluruh negara ini, melalui satu siri kempen pendidikan yang dianjurkan bersama Organisasi Bukan Kerajaan dan rakan-rakan perniagaan.

Untuk mengukuhkan lagi kedudukannya dalam kategori pemakanan diabetes perniagaan Pemakanan Penjagaan Kesihatan melancarkan ISOCAL DM, minuman diabetes berpatutan dan berperisa hebat, yang disasarkan kepada pesakit diabetes dan pra-diabetes berpendapatan sederhana.



ISOCAL DM

Perniagaan Pemakanan Penjagaan Kesihatan telah mencatatkan satu lagi tahun pertumbuhan positif dua angka yang disokong oleh pelaburan dalam penglibatan para pengguna dan inovasi produk.



*Bonnie dan saya begitu teruja untuk menjadi ibu bapa kali pertama. Saya sangat berhati-hati dengan pengambilan pemakanan saya, dan meminum dua gelas MOM & ME setiap hari semasa mengandung untuk memastikan bahawa anak saya dan saya mempunyai semua nutrisi yang diperlukan.*

Zhu Sien dan suaminya sangat gembira apabila mendapat tahu bahawa mereka akan menjadi ibu bapa. Pada detik ini dia juga sedar bahawa dia harus mempunyai diet yang sihat dan seimbang untuk menyokong pertumbuhan dan perkembangan bayi dalam kandungannya.



# NESTLÉ DALAM MASYARAKAT: MENJANA NILAI BERSAMA DAN MEMENUHI KOMITMEN KAMI



Menjana Nilai Bersama (CSV) adalah pendekatan Tanggungjawab Sosial Korporat kami yang dibina atas landasan bahawa untuk perniagaan terus maju bagi jangka masa panjang, kami perlu mengambil kira keperluan komuniti di mana kami beroperasi dan pemegang saham kami. Ia adalah asas cara kami mengendalikan perniagaan dan dasar kepada budaya dan nilai kami, di samping merupakan prinsip motivasi warga kerja kami. Hubungannya terhadap inisiatif korporat, produk dan jenama kami menggesa kami untuk menerapkan strategi ini ke seluruh rangkaian nilai dan operasi perniagaan.

## Nestlé Dalam Masyarakat: Memenuhi Komitmen Kami di Tiga Bidang Fokus

Di Nestlé, kami percaya bahawa untuk kejayaan jangka panjang syarikat juga bergantung kepada kemakmuran komuniti di mana kami beroperasi, dan kami memberi tumpuan kepada tiga bidang utama bagi pengoptimuman nilai bersama. Bidang-bidang ini ialah - Pemakanan, Air dan Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar - adalah teras kepada strategi perniagaan, operasi dan asas kelebihan daya saing kami. Ianya adalah dasar matlamat perniagaan keseluruhan kami untuk menjadi peneraju diiktiraf dalam Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, yang dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan.





**4,954** pelajar terlibat dalam pelancaran Program Cara Hidup Sihat.

Kelab Padi Nestlé mempunyai keahlian seramai

**312 petani** yang mengerjakan lebih 807 hektar, dengan hasil purata 7.06 tan metrik se-hektar.

**Pemakanan:** kerana makanan dan khasiat pemakanan adalah asas kepada kesihatan, kepakaran dan perniagaan kami - ianya adalah sebab kewujudan kami.

**Air:** kerana kualiti dan perolehannya yang berterusan adalah penting kepada kehidupan, pengeluaran makanan dan operasi kami. Kemerosotan kualiti dan penyediaan air akan memberikan kesan drastik ke atas kualiti hidup dan juga operasi perniagaan kami.

**Pembangunan Luar Bandar:** kerana kesejahteraan keseluruhan pelbagai pihak yang berkepentingan – para petani, masyarakat luar bandar, usahawan kecil dan pembekal – adalah kunci untuk kejayaan kami dan pembangunan negara. Dengan menggabungkan CSV secara kukuh di dalam perniagaan, kami berupaya untuk menceburi inisiatif berorientasikan hasil yang akan mencipta manfaat jangka panjang kepada masyarakat.

Kami ingin mewujudkan suatu masyarakat yang berkembang maju dan mampu, dengan menangani isu-isu kesihatan termasuk kekurangan zat, pemakanan yang lebih dan pemakanan tidak seimbang, gaya hidup yang tidak aktif, warga emas dan peningkatan kos kesihatan; kepada pertanian dan kemiskinan luar bandar; air, tenaga dan perubahan iklim.

Untuk maklumat lanjut berhubung inisiatif CSV kami, sila rujuk kepada Laporan Nestlé dalam Masyarakat: Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami 2013, yang boleh dimuat turun dari laman web korporat kami: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my). Maklumat lanjut mengenai CSV juga boleh diperolehi daripada [www.nestle.com](http://www.nestle.com)

Nestlé Malaysia berjaya menanam lebih daripada

**180,157 pokok** di sepanjang Sungai Kinabatangan di Sabah, iaitu sebahagian daripada Projek RiLeaf Nestlé pada 2013.



Pemakanan



Air & Alam Sekitar



Pembangunan Luar Bandar



*Hari ini adalah sambutan ulang tahun sebulan kami dan cara yang terbaik untuk menyambutnya adalah dengan mengejutkannya dengan setangkai mawar merah dan KIT KAT kegemarannya!*

Walaupun mereka hanya bersama dalam masa yang singkat, Eugene sentiasa tahu bagaimana untuk membuat Asha tersenyum. Bagi meraikan ulang tahun sebulan mereka bersama, dia telah mengejutkan Asha dengan bunga mawar merah dan coklat kegemarannya, KIT KAT. Dari saat itu, Asha tahu bahawa Eugene adalah lelaki idamannya.



# Maklumat Korporat

## LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol  
 Anwar Jamalullail  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Pengurus Lembaga Pengarah  
 Pengurus Jawatankuasa Audit  
 Pengurus Jawatankuasa Pencalonan

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Audit  
 Pengurus Jawatankuasa Pampasan

Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Audit  
 Ahli Jawatankuasa Pampasan

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Pencalonan

Dato' Frits van Dijk  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
 Ahli Jawatankuasa Pampasan

Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong  
 Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 (Dilantik pada 28 November 2013)

Alois Hofbauer  
 Pengarah Urusan  
 Pengarah Gantian kepada Marc Seiler  
 Ahli Jawatankuasa Pampasan

Marc Seiler  
 Pengarah Eksekutif  
 Pengarah Gantian kepada Alois Hofbauer



**JAWATANKUASA AUDIT**

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol  
Anwar Jamalullail  
Pengerusi  
  
Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad  
Ahli

Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim  
Ahli

**JAWATANKUASA PENCALONAN**

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol  
Anwar Jamalullail  
Pengerusi

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon  
Ahli

Dato' Frits van Dijk  
Ahli

**JAWATANKUASA PAMPASAN**

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad  
Pengerusi

Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim  
Ahli

Dato' Frits van Dijk  
Ahli

Alois Hofbauer  
Ahli  
(Appointed on 24 February 2014)

**Marc Seiler**

Alternate Member to Alois Hofbauer  
(Dilantik pada 24 Februari 2014)

**SETIAUSAHA SYARIKAT**

Tengku Ida Adura Binti Tengku Ismail  
(MACS 01686)  
(Dilantik pada 06 Ogos 2013)  
Tel : +603 7965 6000  
Faks : +603 7962 7213  
E-mel : TengkuldaAdura.Tengkuldmal@my.nestle.com

**PEJABAT BERDAFTAR**

22-1, 22 Tingkat, Menara Surian  
No.1, Jalan PJU 7/3  
Mutia Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

**LAMAN WEB SYARIKAT**

[www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)

**PENDAFTAR SAHAM**

Tricor Investor Services Sdn. Bhd.  
(118401-V)  
Aras 17, The Gardens North Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur  
Tel : +603 2264 3883  
Faks: +603 2282 1886

**JURUAUDIT**

KPMG (No. Firma AF 0758)  
Akauntan Bertauliah  
Tingkat 10, Menara KPMG  
8, First Avenue, Bandar Utama  
47800 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : +603 7721 3388  
Faks: +603 7721 3399

**BANK UTAMA**

HSBC Bank Malaysia Berhad (127776-K)

**PENYENARAIAN BURSA SAHAM**

Pasaran Utama  
Bursa Malaysia Securities Berhad  
(635998-W)





# LEMBAGA PENGARAH



Dari kiri ke kanan:

- Marc Seiler • Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad • Tan Sri Datuk [Dr.] Rafiah Binti Salim
- Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail • Alois Hofbauer • Dato' Frits van Dijk
- Tan Sri Datuk Yong Poh Kon • Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong
- Tengku Ida Adura Binti Tengku Ismail (Setiausaha Syarikat)

# Profil Para Pengarah



## Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Pengerusi Lembaga Pengarah  
 Pengerusi Jawatankuasa Audit  
 Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan  
 Warganegara Malaysia, berusia 62 tahun

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail dilantik sebagai Pengarah Tidak Bebas, Bukan Eksekutif pada 25 Februari 2002, mewakili Lembaga Tabung Haji. Setelah Lembaga Tabung Haji tidak lagi menjadi pemegang saham utama Syarikat, beliau telah dilantik semula sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif pada 05 November 2004, dan kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 16 April 2009. Beliau merupakan Canselor SEGi University, dan Pengerusi Cahya Mata Sarawak Berhad, Lembaga Zakat Selangor dan Pulau Indah Ventures Sdn. Bhd. Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Perakaunan dari Macquarie University di Sydney, Australia. Beliau merupakan seorang Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Malaysia dan juga seorang Akauntan Pengamal Bertauliah dari *Australian Society of Certified Practising Accountants*, berkelayakan pada tahun 1984.

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail telah menghadiri kesemua empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. \*



## Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Audit  
 Pengerusi Jawatankuasa Pampasan  
 Warganegara Malaysia, berusia 63 tahun

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 01 Jun 2007. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Pampasan. Beliau juga Pengerusi Malaysian AgriFood Corp. Berhad, Cold Chain Network Sdn. Bhd. (anak syarikat Malaysian AgriFood Corp. Berhad) dan Pengerusi Biotropics Malaysia Berhad. Biotropics Malaysia Berhad merupakan syarikat induk kepada Phytes Biotech Sdn. Bhd., iaitu satu daripada pembekal bahan mentah kepada anak Syarikat ketika ini. Namun begitu, pembekalan kepada Syarikat adalah nominal dan Phytes Biotech Sdn. Bhd. berurusan dengan anak Syarikat atas terma yang sama dengan para pembekal yang lain. Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad merupakan seorang Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Malaysia dan ahli *Association of Chartered Certified Accountants*, United Kingdom. Beliau juga telah menyertai Program Pembangunan Eksekutif di *International Institute for Management Development* di Lausanne, Switzerland.

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad telah menghadiri kesemua empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. \*



### Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Audit  
 Ahli Jawatankuasa Pampasan  
 Warganegara Malaysia, berusia 67 tahun

Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 17 April 2009. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit serta ahli Jawatankuasa Pampasan. Beliau juga merupakan seorang Pengarah di Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dan Pengurus Lembaga Pengarah Malaysian Genomics Resource Centre Berhad. Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah turut memegang jawatan Pengarah di Allianz Malaysia Bhd., Allianz Life Insurance Malaysia Bhd. dan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Bhd. Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim, berkelulusan Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang Undang-undang dari *Queen's University Belfast*, United Kingdom dan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dari universiti yang sama pada tahun 2002. Beliau diterima masuk menggantotai Badan Peguam Malaysia pada 1988.

Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim telah menghadiri kesemua empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. \*



### Dato' Frits van Dijk

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
 Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
 Ahli Jawatankuasa Pampasan  
 Warganegara Belanda, berusia 66 tahun

Dato' Frits van Dijk dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 26 April 2006 sebagai Pengarah Tidak Bebas, Bukan Eksekutif. Beliau telah dilantik semula sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif pada 19 November 2013. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pencalonan serta ahli Jawatankuasa Pampasan. Sebelum beliau bersara dari Kumpulan Nestlé pada akhir September 2011, beliau telah berkhidmat di kumpulan syarikat Nestlé dan memegang pelbagai jawatan kanan di Pasaran Nestlé yang lain sejak 40 tahun yang lalu. Dato' Frits van Dijk berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dari *School of Economics*, Rotterdam, Belanda dan juga telah menyertai Program Pembangunan Eksekutif di *International Institute for Management Development* di Lausanne, Switzerland.

Dato' Frits van Dijk telah menghadiri tiga (3) daripada empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. \*

## Profil Para Pengarah



### Tan Sri Datuk Yong Poh Kon

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
Warganegara Malaysia, berusia 68 tahun

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 25 April 2011. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pencalonan. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan di Royal Selangor International Sdn. Bhd, pengilang dan pengekspor produk piuter, Pengarah di TAHPS Group Berhad dan Fellow Akademi Sains serta Institut Pengurusan Malaysia. Selama lebih tiga dekad, Tan Sri Datuk Yong Poh Kon berhubungan rapat dengan Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia ("FFM") dan kini adalah bekas Presiden terdekat FFM. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal dari *University of Adelaide* pada tahun 1968.

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon telah menghadiri kesemua empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. \*



### Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Warganegara Malaysia, berusia 68 tahun

Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 28 November 2013. Ketika ini, beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Orkestra Filharmonik Malaysia ("MPO"), Petronas serta pemegang amanah Dewan Filharmonik Petronas. Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong juga merupakan Pro-Canselor Universiti Malaya, setelah memegang jawatan Pengurus Hospital Universiti selama bertahun-tahun sebelum itu. Kini, beliau ialah Pengurus Yayasan Institut Jantung Negara ("IJN"), Tabung Amal *The New Straits Times* ("NST") Press, Pengurus Jawatankuasa Kecil Kebajikan Badan Kebajikan Isteri-isteri Menteri ("BAKTI"), dan baru menamatkan dua (2) penggal sebagai Pengurus pertama Lembaga Promosi Kesihatan di Kementerian Kesihatan. Beliau merupakan Pengasas Pemegang Amanah bagi Yayasan Penyakit Alzheimer Malaysia dan Yayasan Inisiatif Kajian Kanser ("CARIF"), dan juga seorang Pemegang Amanah Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia ("MERCY"), Yayasan Tun Abdul Razak, Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita ("NCWO") dan Organisasi Bantuan Wanita. Beliau juga merupakan Penaung Cancerlink, Yayasan Arthritis Malaysia, Persatuan Kebangsaan Angin Ahmar Malaysia, Wanita Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia ("PERKIM"), Wilayah Persekutuan dan Persatuan Kesihatan Mental Malaysia. Beliau seorang doktor perubatan berkelayakan, berkelulusan dari *University of London* pada tahun 1969 dan kini seorang pekerja sosial yang aktif.

Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong tidak menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, memandangkan tiada mesyuarat diadakan sejak tarikh pelantikannya. \*



### Alois Hofbauer

Pengarah Urusan  
Warganegara Austria, berusia 48 tahun  
Ahli Jawatankuasa Pampasan

Alois Hofbauer dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2013. Selama lebih daripada 20 tahun, beliau telah berkhidmat dalam kumpulan Syarikat Nestlé, memegang pelbagai jawatan kanan di Pasaran Nestlé yang lain. Sebelum pelantikan terkini beliau di Malaysia, beliau merupakan Pengarah Urusan di Nestlé Sri Lanka sejak tahun 2010. Kini, beliau juga merupakan ahli Majlis Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia ("FMM"). Beliau berkelulusan dari *International Institute for Management Development di Lausanne, Switzerland dan University of Innsbruck, Austria.*

Alois telah menghadiri kesemua empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. \*



### Marc Seiler

Pengarah Eksekutif  
(Bertanggungjawab untuk Kewangan & Kawalan)  
Warganegara Perancis, berusia 49 tahun

Marc Seiler dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 01 Disember 2008. Beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan di Pasaran Nestlé yang lain sejak beliau menyertai kumpulan Syarikat Nestlé pada tahun 1990. Kini, beliau juga merupakan Bendahari Persatuan Perniagaan Swiss-Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sains dalam jurusan Pengurusan dan Diploma dalam bidang Perakaunan & Kewangan (*Diplome d'Etudes Supérieure Comptables et Financières*) dari *Ecole Supérieure de Commerce de Paris*, Perancis.

Marc Seiler telah menghadiri kesemua empat (4) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. \*

\* Maklumat tambahan mengenai Lembaga Pengarah:

**(i) Butiran mengenai sebarang kepentingan dalam sekuriti**

Kecuali Dato' Frits van Dijk yang memegang 8,000 saham biasa Nestlé (Malaysia) Berhad, para Pengarah lain tidak memiliki sebarang saham Nestlé (Malaysia) Berhad.

**(ii) Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama**

Tiada seorang pun antara para Pengarah yang mempunyai apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah lain dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat.

**(iii) Konflik Kepentingan**

Tiada seorang pun antara para Pengarah yang mempunyai sebarang konflik kepentingan atau kepentingan peribadi dalam apa-apa urusan perniagaan yang melibatkan Kumpulan Syarikat.

**(iv) Senarai sabitan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu selain daripada kesalahan trafik**

Tiada seorang pun antara para Pengarah yang pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu, selain daripada kesalahan trafik, jika ada.





# KUMPULAN PENGURUSAN

Atas Kiri

Uzma Qaiser Butt (Pengarah Eksekutif, Kumpulan Sumber Manusia) • Alois Hofbauer (Pengarah Urusan)  
• Zainun Nur Abdul Rauf (Pengarah Eksekutif, Kumpulan Hal Ehwal Korporat)

Atas

Marc Seiler (Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan) • Adnan Pawanteh (Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran)  
• Patrick Hartless (Pengarah Eksekutif, Rangkaian Bekalan dan Juara Pasaran NCE)

Kiri

Yap Yin Kee (Pengarah Eksekutif, Nestlé Profesional) Kumpulan Pengurusan sehingga Februari 2014  
• Kumaran a/l Nowuram (Pengarah Eksekutif, Jualan) • Ho Hau Chieh (Pengarah Eksekutif, Tenuusu)

# Profil Kumpulan Pengurusan

## **ALOIS HOFBAUER**

Pengarah Urusan

Alois Hofbauer, seorang warganegara Austria, merupakan Pengarah Urusan Nestlé [Malaysia] Berhad dan Ketua Rantau Nestlé Malaysia/Singapura. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2013. Seorang graduan Sekolah Perniagaan Switzerland IMD dan Universiti Innsbruck, Austria, kerjaya Alois Hofbauer bersama Nestlé bermula lebih 20 tahun lalu apabila beliau menyertai Nestlé Austria sebagai Pelatih Jualan dan Pemasaran. Beliau mempunyai rekod kepimpinan yang kukuh dalam pengurusan negara dan mempunyai pemahaman yang mendalam tentang perniagaan di Asia. Sepanjang 20 tahun beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di rantau ini sebelum menjadi Pengarah Urusan Nestlé Taiwan pada tahun 2004 dan seterusnya sebagai Pengarah Urusan Nestlé Sri Lanka pada tahun 2010.

---

## **MARC SEILER**

Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan

Marc Seiler, seorang warganegara Perancis, adalah Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan Syarikat. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat pada 1 Disember 2008. Marc Seiler merupakan graduan dari Ecole Supérieure de Commerce de Paris, Perancis, dengan Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan dan Diploma Perakaunan & Kewangan [Diplome d'Etudes Supérieure Comptables et Financières]. Sebelum menyertai Nestlé, Marc Seiler adalah juruaudit luar di Coopers and Lybrand. Beliau menyertai Kumpulan Syarikat Nestlé pada tahun 1990 di bahagian Kewangan Nestlé Waters di Paris. Seterusnya, beliau dipindah ke Nestlé Waters, Amerika Utara di mana beliau memegang beberapa jawatan kanan di Amerika Syarikat dan Kanada sebelum menyertai Syarikat. Marc Seiler kini adalah Bendahari Persatuan Perniagaan Swiss Malaysia.

---

## **ZAINUN NUR ABDUL RAUF**

Pengarah Eksekutif, Kumpulan Hal Ehwal Korporat

Zainun Nur merupakan Pengarah Eksekutif, Kumpulan Hal Ehwal Korporat Syarikat. Pada tahun 1998 beliau mula berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengurus Jenama Kumpulan untuk Bijirin Sarapan Nestlé. Beliau kemudiannya berpindah ke unit perniagaan Perkhidmatan Makanan [kini dikenali sebagai Nestlé Profesional], diikuti dengan tugas di Bahagian Perkhidmatan Pengguna. Pada tahun 2005, beliau berpindah semula ke Nestlé Profesional sebagai Pengurus Perniagaan Negara untuk Malaysia dan Singapura yang menguruskan pasaran makanan luar rumah dan minuman. Zainun Nur memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Institute of Marketing, United Kingdom.

---

## **UZMA QAISER BUTT**

Pengarah Eksekutif, Kumpulan Sumber Manusia  
(Dilantik pada 1 Oktober 2013)

Uzma Qaiser Butt adalah Pengarah Eksekutif, Kumpulan Sumber Manusia Malaysia / Singapura sejak 1 Oktober 2013. Uzma memulakan kerjayanya dengan Nestlé Pakistan pada tahun 2001 dan menjadi Pengarah Sumber Manusia Nestlé Pakistan pada 2005, dan seterusnya dihantar ke Nestlé S.A. pada tahun 2010. Sebelum Nestlé Malaysia, beliau merupakan Pengurus Operasi Sumber Manusia di Nestlé S.A., Switzerland. Uzma memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Lahore University of Management Sciences dan Ijazah daripada Kinnaird College, Pakistan.

---

## **PATRICK HARTLESS**

Pengarah Eksekutif, Rangkaian Bekalan dan Juara Pasaran NCE

Patrick Hartless, seorang warganegara British, merupakan Pengarah Eksekutif, Rangkaian Bekalan dan Juara Pasaran NCE. Beliau telah berkhidmat dengan Nestlé selama 10 tahun. Patrick Hartless memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Loughborough University, United Kingdom dan juga Ijazah Sarjana Sains dari University Cranfield, United Kingdom. Sebelum tiba di Malaysia, Patrick Hartless berkhidmat dengan Nestlé UK di mana beliau adalah Ketua Rangkaian Bekalan bagi Bahagian Makanan & Minuman.

## **YAP YIN KEE**

Pengarah Eksekutif, Nestlé Profesional  
(Kumpulan Pengurusan sehingga Februari 2014)

Yap Yin Kee adalah Pengarah Eksekutif Nestlé Profesional, Malaysia dan Singapura sejak tahun 2010. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 1994, di Unit Perniagaan Profesional Nestlé. Pada tahun 2002 beliau telah dilantik sebagai Pengurus Vending dan kemudiannya menyandang jawatan Pengurus Perniagaan Minuman pada tahun 2008. Yap Yin Kee juga pernah terlibat dalam pelbagai misi luar negara bagi Nestlé Profesional di Taiwan, Perancis dan Oceania [Australia & New Zealand]. Yap Yin Kee adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan [Kepujian Kelas Pertama] daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **NIRMALAH THURAI**

Pengurus Perniagaan Negara, Rakan Bijirin Malaysia  
(Kumpulan Pengurusan dari Mac 2014)

Nirmalah Thurai adalah Pengurus Perniagaan Negara, Rakan Bijirin Malaysia sejak 2006. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 1981 sebagai Eksekutif Penyelidikan Pasaran. Beliau kemudiannya berpindah ke Nestlé UK dari tahun 1987 ke 1988 sebelum pulang ke Malaysia sebagai Eksekutif Produk. Nirmalah memegang pelbagai jawatan pengurusan dalam tempoh 12 tahun seterusnya dalam Perniagaan Makanan sebelum dilantik sebagai Pengurus Unit Tenuku Sejuk pada tahun 2000. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Sains Malaysia.

## **ADNAN PAWANTEH**

Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran

Adnan Pawanteh adalah Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran. Memegang ijazah Kejuruteraan dan MBA dalam Pengurusan, beliau memulakan kerjayanya di Nestlé Malaysia sebagai Jurutera Pelatih pada tahun 1984 dan selama 17 tahun berikutnya, beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam bidang teknikal. Beliau ditugaskan ke Nestlé Australia pada tahun 2001 di mana beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Prestasi Industri dan Pengurus Pengeluaran sebelum kembali ke Malaysia pada tahun 2002 sebagai Pengurus Kilang Kompleks Nestlé Shah Alam. Pada tahun 2010, Adnan telah dipindahkan ke Nestlé Turki sebagai Pengarah Teknikal, sehingga akhir Mei 2012.

## **KUMARAN A/L NOWURAM**

Pengarah Eksekutif, Jualan  
[Dilantik pada 1 Ogos 2013]

Kumaran telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Jualan pada 1 Ogos 2013. Beliau memulakan kerjayanya dengan Syarikat pada tahun 1994 sebagai Pelatih Pengurusan. Pada tahun 2002 beliau menyandang jawatan sebagai Pengurus Jenama Kumpulan untuk Perniagaan Tenuku. Pada tahun 2003, Kumaran telah dihantar ke Nestlé Timur Tengah untuk mengetuai Perniagaan Tenuku bagi rantaui Timur Tengah yang berpusat di Dubai. Pada tahun 2009, Kumaran mengambil peranan sebagai Pengurus Eksekutif Perniagaan [Tenuku] yang berpangkalan di India, sebelum menjadi Pengarah Eksekutif, Jualan Syarikat. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial [Ekonomi] dari Universiti Sains Malaysia dan juga telah mengikuti Program Pembangunan Eksekutif di Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Pengurusan [IMD] di Lausanne, Switzerland.

## **HO HAU CHIEH**

Pengarah Eksekutif, Tenuku

Ho Hau Chieh telah menjawat jawatan Pengarah Eksekutif Unit Perniagaan Tenuku sejak 2009. Beliau berkelulusan dari Universiti Malaya dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam Pentadbiran Perniagaan. Ho Hau Chieh menyertai Syarikat pada tahun 1999 sebagai Pengurus Jenama Konfeksi dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Operasi Jualan, Konfeksi pada tahun 2001. Pada tahun 2003, beliau dipindahkan ke Unit Perniagaan Tenuku sebagai Pengurus Jenama Kumpulan. Pada tahun 2005 beliau berkhidmat sebagai Pengurus Perniagaan Minuman Cecair Nestlé.

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA **Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-30 (Tiga Puluh)** akan diadakan di **Ballroom A & B, Hilton Kuala Lumpur, 3 Jalan Stesen Sentral, 50470 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 24 April 2014 jam 10.00 pagi** untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

## AGENDA

### Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima pernyataan kewangan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 berserta laporan Pengarah dan Juruaudit yang dilampirkan. **Resolusi 1**
2. Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 175 sen sesaham, di bawah sistem satu peringkat, yang berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. **Resolusi 2**
3. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM737,452 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (2012: RM280,000). **Resolusi 3**

*Sila rujuk Nota Keterangan 1*

4. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut Tataurusan Syarikat:

#### 4.1 Di bawah Artikel 90.1

- (i) Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail **Resolusi 4**
- (ii) Dato' Frits van Dijk **Resolusi 5**

#### 4.2 Di bawah Artikel 97

- Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong **Resolusi 6**

*Sila rujuk Nota Keterangan 2*

5. Untuk melantik semula Tetuan KPMG (No. Firma AF 0758) sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 7**

*Sila rujuk Nota Keterangan 3*

### Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan resolusi-resolusi berikut sebagai Resolusi Biasa:

6. **Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang bersifat Hasil atau Perdagangan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 2 April 2014.**

"Bahawa mandat yang diberikan oleh pemegang saham Syarikat pada 02 Mei 2013 menurut perenggan 10.09 Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menjalankan urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat hasil atau perdagangan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 02 April 2014 dengan pihak yang berkaitan seperti yang disebut yang perlu, bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan urus niaga tersebut dijalankan mengikut perjalanan urus niaga biasa atas termatara yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan tersebut berbanding dengan yang lazimnya ditawarkan kepada umum serta tidak menjelaskan pemegang saham minoriti Syarikat, dengan ini diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut akan berkuat kuasa sebaik sahaja resolusi ini diluluskan dan akan terus berkuat kuasa sehingga:-

- (i) berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat yang berikutnya, selepas AGM yang akan datang ini yang telah meluluskan mandat tersebut, yang pada ketika itu ia akan loput, melainkan jika mandat itu diperbaharui melalui resolusi yang diluluskan pada AGM yang berikutnya;
- (ii) tamatnya tempoh AGM berikutnya yang perlu diadakan selepas AGM yang akan datang ini menurut Seksyen 143(1) Akta Syarikat, 1965 (tetapi tidak dilanjutkan sehingga tempoh lanjutan yang dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta Syarikat, 1965); atau
- (iii) dibatalkan atau dipinda melalui resolusi yang diluluskan oleh para pemegang saham di dalam suatu mesyuarat agung;

yang mana terdahulu;

Bahawa para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melaksanakan segala tindakan dan perkara (termasuk menandatangani segala dokumen yang diperlukan) untuk melaksanakan urus niaga yang dicadangkan dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini."

#### **Resolusi 8**

Sila rujuk Nota Keterangan 4

#### **7. Pengekalan Pengarah Bebas**

"BAHAWA Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail adalah dengan ini dikekalkan sebagai Pengarah Bebas Syarikat sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya, mengikut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012." **Resolusi 9**

Sila rujuk Nota Keterangan 5

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan resolusi-resolusi berikut sebagai Resolusi Khas:

#### **8. Cadangan Pindaan ke atas Tataurusan Syarikat**

"BAHAWA pindaan, perubahan, tambahan atau pemotongan ke atas Tataurusan Syarikat seperti berikut dengan ini diluluskan:-

| No. Artikel Sedia Ada  | No. Artikel Yang Dicadangkan   |
|--|--|
| 157 Para Pengarah hendaklah dari masa ke masa mengikut Seksyen 169 Akta tersebut, menyebabkan untuk disediakan dan dikemukakan penyata kewangan dan laporan kepada Syarikat dalam mesyuarat agung seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen tersebut.<br>Jarak waktu antara penutupan tahun kewangan Syarikat dengan penerbitan penyata kewangan tahunan yang diaudit, laporan pengarah dan juruaudit yang berhubung dengannya tidak boleh melebihi 4 bulan. Satu salinan bagi setiap dokumen tersebut dalam masa tidak kurang daripada 21 hari (atau tempoh yang lebih pendek yang mungkin dipersetujui oleh semua ahli yang layak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat) sebelum tarikh mesyuarat, hendaklah dihantar kepada semua ahli, dan kepada setiap pemegang debentur Syarikat di bawah peruntukan Akta atau Artikel ini. Sebilangan salinan bagi setiap dokumen tersebut yang mungkin diperlukan oleh Bursa dan Suruhanjaya Sekuriti hendaklah pada masa yang sama dihantar kepada Bursa dan Suruhanjaya Sekuriti, dengan syarat bahawa Artikel ini tidak menghendaki satu salinan dokumen tersebut dihantar kepada mana-mana pihak yang alamatnya tidak diketahui oleh Syarikat, tetapi mana-mana ahli yang tidak dihantar satu salinan dokumen tersebut layak menerima satu salinan dengan percuma semasa memohon di Pejabat Syarikat. | 157 Para Pengarah hendaklah dari masa ke masa mengikut Seksyen 169 Akta tersebut, menyebabkan untuk disediakan dan dikemukakan penyata kewangan dan laporan kepada Syarikat dalam mesyuarat agung seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen tersebut.<br><b>Jarak waktu antara penutupan tahun kewangan Syarikat dengan penerbitan penyata kewangan tahunan yang diaudit, laporan pengarah dan juruaudit yang berhubung dengannya tidak boleh melebihi 4 bulan:</b> Satu salinan bagi setiap dokumen tersebut dalam masa tidak kurang daripada 21 hari (atau tempoh yang lebih pendek yang mungkin dipersetujui oleh semua ahli yang layak untuk menghadiri dan mengundi di mesyuarat) sebelum tarikh mesyuarat, hendaklah dihantar kepada semua ahli, dan kepada setiap pemegang debentur Syarikat di bawah peruntukan Akta atau Artikel ini. Sebilangan salinan bagi setiap dokumen tersebut yang mungkin diperlukan oleh Bursa dan Suruhanjaya Sekuriti hendaklah pada masa yang sama dihantar kepada Bursa dan Suruhanjaya Sekuriti, dengan syarat bahawa Artikel ini tidak menghendaki satu salinan dokumen tersebut dihantar kepada mana-mana pihak yang alamatnya tidak diketahui oleh Syarikat, tetapi mana-mana ahli yang tidak dihantar satu salinan dokumen tersebut layak menerima satu salinan dengan percuma semasa memohon di Pejabat Syarikat." |

#### **Resolusi 10**

Sila rujuk Nota Keterangan 6

9. Untuk mengendalikan apa-apa urusan lain yang notis sewajarnya telah diberikan.

## Notis Mesyuarat Agung Tahunan

**DENGAN INI TURUT DIMAKLUMKAN BAHAWA,** tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-30 (Tiga Puluh), dividen akhir sebanyak 175 sen sesaham, di bawah sistem satu peringkat yang berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 akan dibayar kepada para pemegang saham pada 05 Jun 2014. Tarikh kelayakan untuk dividen tersebut adalah pada 15 Mei 2014.

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN JUGA BAHAWA** pendeposit layak untuk menerima dividen hanya bagi:

- A.** Saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 15 Mei 2014 bagi pindahan biasa; dan
- B.** Saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

### MENURUT PERINTAH LEMBAGA

#### **TENGKU IDA ADURA BINTI TENGKU ISMAIL**

Setiausaha Syarikat

(MACS 01686)

Petaling Jaya

02 April 2014

**Nota:**

- (i) Ahli Syarikat yang layak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat berhak untuk melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi boleh, tetapi tidak semestinya, ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965, tidak terpakai kepada Syarikat.
  - (ii) Suratcara pelantikan proksi mestilah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau sekiranya pelantik merupakan sebuah perbadanan, sama ada dimeterai dengan mohor rasminya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa sedemikian.
  - (iii) Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Depositor Pusat, ia boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat kekal sebagai kredit di dalam Akaun Sekuriti tersebut. Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang saham biasa Syarikat untuk beberapa pemilik benefisial dalam satu (1) akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tiada had ditetapkan untuk bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa yang dikecualikan tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya.
- Sekiranya penama diberi kuasa melantik dua (2) proksi, atau sekiranya penama diberi kuasa yang dikecualikan melantik dua (2) atau lebih proksi, nisbah pemegangan saham yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam suratcara pelantikan proksi.
- (iv) Penama diberi kuasa atau penama diberi kuasa yang dikecualikan, yang memegang lebih daripada satu (1) akaun sekuriti mestilah menyerahkan suratcara proksi yang berasingan bagi setiap akaun sekuriti.
  - (v) Suratcara pelantikan proksi dan surat kuasa wakil atau kuasa lain (jika ada) yang telah ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Saham Syarikat di Tricor Investor Services Sdn. Bhd. (No. Syarikat 118401-V), Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu atau sebarang penangguhannya yang pihak seperti yang dinamakan di dalam suratcara bercadang untuk mengundi, atau dalam kes membuat undi, tidak kurang daripada 24 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian, dan jika ingkar, suratcara proksi akan dianggap tidak sah.
  - (vi) Berkenna dengan sekuriti telah-deposit, hanya ahli yang namanya tertera di dalam Rekod Pendeposit pada 17 April 2014 layak untuk menghadiri, bercakap dan mengundi di mesyuarat agung.

**Nota Keterangan untuk Urusan Biasa:-****1. Kenaikan Yuran Pengarah**

Cadangan kenaikan yuran Pengarah, adalah untuk mencerminkan penambahan tanggungjawab Pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi Lembaga, Pengerusi serta ahli Jawatankuasa Lembaga. Kuantum yang dicadangkan adalah berdasarkan hasil analisis penanda aras yang dijalankan oleh perunding luar yang dilantik oleh Syarikat. Resolusi Biasa 3 dicadangkan mengikut Artikel 98, Tataurus Syarikat dan sekiranya diluluskan, akan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2013. Pada tahun-tahun sebelum ini, yuran tidak dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif yang menjadi ahli Jawatankuasa Lembaga. Semua Pengarah Bukan Eksekutif yang merupakan pemegang saham Syarikat akan abstain mengundi Resolusi Biasa 3, berhubung dengan yuran Pengarah, pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-30.

**2. Pemilihan Semula Pengarah yang Bersara**

Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail, Dato' Frits van Dijk dan Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong bersedia untuk pemilihan semula Pengarah Syarikat dan oleh sebab layak, menawarkan diri untuk pemilihan semula.

**3. Pelantikan Semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat**

Pada mesyuarat yang telah diadakan pada 24 Februari 2014, Lembaga telah meluluskan cadangan Jawatankuasa Audit untuk melantik semula KPMG sebagai juruaudit Syarikat. Lembaga dan Jawatankuasa Audit secara kolektif bersetuju bahawa KPMG telah memenuhi kriteria berkaitan yang ditetapkan oleh Perenggan 15.21 Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

**Nota Keterangan untuk Urusan Khas:-****4. Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 02 April 2014 yang disertakan bersama Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

**5. Pengekalan Pengarah Bebas**

Resolusi yang dicadangkan adalah untuk meminta kelulusan daripada pemegang saham untuk mengekalkan Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail sebagai Pengarah Bebas, Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif sejak 5 November 2004 untuk tempoh kumulatif lebih daripada sembilan (9) tahun. Jawatankuasa Pencalonan telah membuat penilaian yang diperlukan dan mencadangkan kepada Lembaga agar beliau dikekalkan sebagai Pengarah Bebas Syarikat berdasarkan kemampuannya untuk mengekalkan kebebasan dalam membuat keputusan di samping memberi dan mengekalkan pendapat yang tidak berat sebelah tanpa sebarang pengaruh. Tan Sri mempunyai pemahaman yang baik tentang urus niaga Syarikat, cabaran yang dihadapi oleh Syarikat serta persekitaran operasi Syarikat. Lembaga menghargai sumbangan beliau kepada Syarikat dan beliau juga komited dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawabnya sebagai Pengerusi Bebas, Bukan Eksekutif dan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, termasuk tetapi tidak terhad kepada menghadiri mesyuarat Lembaga serta Jawatankuasa Lembaga. Cadangan resolusi ini adalah selari dengan cadangan di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 dan ini akan membenarkan beliau untuk terus berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, menurut peruntukan Perenggan 15.10 Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

**6. Cadangan Pindaan ke atas Tataurus Syarikat**

Pindaan yang dicadangkan akan menjadikan Tataurus Syarikat selari dengan cadangan pindaan ke atas Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan untuk meningkatkan kecekapan tadbir.

This page is intentionally left blank.

|                       |  |
|-----------------------|--|
| Jumlah Saham Dipegang |  |
| No. Akaun CDS         |  |

# Borang Proksi

Saya/Kami \_\_\_\_\_ No KP: \_\_\_\_\_ (Baru) \_\_\_\_\_ (Lama)

dari \_\_\_\_\_

being a member of **Nestlé (Malaysia) Berhad**, hereby appoint \*the Chairman of the meeting or \_\_\_\_\_  
No KP: \_\_\_\_\_ (Baru) \_\_\_\_\_ (Lama)

dari \_\_\_\_\_

atau sekiranya beliau tidak hadir, \_\_\_\_\_ No KP: \_\_\_\_\_ (Baru) \_\_\_\_\_ (Lama)

dari \_\_\_\_\_

sebagai proksi saya/kami untuk mengundi untuk saya/kami bagi pihak saya/kami pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-30 (Tiga Puluh) yang akan diadakan di Ballroom A &amp; B, Hilton Kuala Lumpur, 3 Jalan Stesen Sentral, 50470 Kuala Lumpur, 24 April 2014 jam 10.00 pagi dan pada mana-mana penangguhannya.

\* Potong jika tidak berkenaan

Proksi saya/kami hendaklah mengundi sebagaimana yang ditunjukkan dengan "X" di bawah. Sekiranya tiada arahan khusus diberikan, proksi akan mengundi atau abstain mengundi mengikut budi bicaranya.

| No. | Resolusi   | Menyokong | Menentang |
|-----|--|-----------|-----------|
| 1.  | Untuk menerima penyata kewangan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 berserta laporan Pengarah dan Juruaudit yang dilampirkan.   |           |           |
| 2.  | Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 175 sen sesaham, di bawah sistem satu peringkat, yang berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.  |           |           |
| 3.  | Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM737,452 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (2012: RM280,000).   |           |           |
| 4.  | Untuk memilih semula Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail sebagai Pengarah Syarikat.   |           |           |
| 5.  | Untuk memilih semula Dato' Frits van Dijk sebagai Pengarah Syarikat.   |           |           |
| 6.  | Untuk memilih semula Toh Puan Dato' Seri Hajah Dr. Aishah Ong sebagai Pengarah Syarikat.   |           |           |
| 7.  | Untuk melantik semula Tetuan KPMG (No. Firma AF0758) sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.  |           |           |
| 8.  | Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang bersifat Hasil atau Perdagangan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 02 April 2014. |           |           |
| 9.  | Pengekalan Pengarah Bebas.   |           |           |
| 10. | Cadangan Pindaan ke atas Tataurusan Syarikat.  |           |           |

Bertarikh pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 2014

Disaksikan oleh: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

Cop Syarikat: \_\_\_\_\_

Pekerjaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan Pemegang Saham atau Cop Mohor

**Nota:**

- (i) Ahli Syarikat yang layak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat berhak untuk melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi boleh, tetapi tidak semestinya, ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965, tidak terpakai kepada Syarikat.
- (ii) Suratcara pelantikan proksi mestilah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau sekiranya pelantik merupakan sebuah perbadanan, sama ada dimeterai dengan mohor rasmiyah atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa sedemikian.
- (iii) Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Depositor Pusat, ia boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat kekal sebagai kredit di dalam Akaun Sekuriti tersebut. Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang saham biasa Syarikat untuk beberapa pemilik benefisial dalam satu (1) akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tiada had ditetapkan untuk bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa yang dikecualikan tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya.
- (iv) Penama diberi kuasa atau penama diberi kuasa yang dikecualikan, yang memegang lebih daripada satu (1) akaun sekuriti mestilah menyerahkan suratcara proksi yang berasingan bagi setiap akaun sekuriti.
- (v) Suratcara pelantikan proksi dan surat kuasa wakil atau kuasa lain (jika ada) yang telah ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Saham Syarikat di Tricor Investor Services Sdn. Bhd. (No. Syarikat 118401-V), Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu atau sebarang penangguhannya yang pihak seperti yang dinamakan di dalam suratcara bercadang untuk mengundi, atau dalam kes membuat undi, tidak kurang daripada 24 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian, dan jika ingkar, suratcara proksi akan dianggap tidak sah.
- (vi) Berkenaan dengan sekuriti telah-deposit, hanya ahli yang namanya tertera di dalam Rekod Pendeposit pada 17 April 2014 layak untuk menghadiri, bercakap dan mengundi di mesyuarat agung.

Sekiranya penama diberi kuasa melantik dua (2) proksi, atau sekiranya penama diberi kuasa yang dikecualikan melantik dua (2) atau lebih proksi, nisbah pemegangan saham yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam suratcara pelantikan proksi.

Lipat di sini

---

Lekatkan  
Setem

Tricor Investor Services Sdn. Bhd. (No. Syarikat 118401-V)

Tingkat 17, The Gardens North Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur

Tel: (03) 2264 3883 Faks: (03) 2282 1886

---

Lipat di sini

**Nestlé (Malaysia) Berhad** (110925-W)

22-1, Tingkat 22, Menara Surian

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel: (+603) 7965 6000

Faks: (+603) 7965 6767

Talian Percuma Khidmat Pelanggan Nestlé: 1-800-88-3433

Facebook: <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

**www.nestle.com.my**